



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (34)  
Tarikh : 8 November 2019

## SIARAN MEDIA

### **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN MAJLIS PRA-PELANCARAN PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK (SWASTA)**

Putrajaya, 8 November 2019 – Satu Majlis Pra-Pelancaran Projek Perumahan Mampu Milik (Swasta) telah diadakan pada hari ini 8 November 2019 yang telah dirasmikan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini disertai oleh 11 buah syarikat pemaju perumahan swasta yang akan melancarkan 15 projek perumahan mampu milik dan juga 1 anak syarikat negeri yang akan melancarkan projek-projek perumahan mampu milik di pelbagai lokasi dengan jumlah unit keseluruhan sebanyak 46,873 unit seperti berikut:

BIL.	PEMAJU PERUMAHAN SWASTA	LOKASI	UNIT
1	<b>PEMBINAAN KERY SDN BHD</b> - Silver Breeze Sdn Bhd - Melati Ehsan Development Sdn Bhd	Puchong	530
		Rawang	272
		Johor	555
2	<b>ASTANA SETIA &amp; EURO SAGA SDN BHD</b>	Sungai Besi, Kuala Lumpur	1,184
3	<b>BESTEEL ENGTECH SDN BHD</b>	Sentul, Kuala Lumpur	600
4	<b>EKOVEST BERHAD</b>	Kuala Lumpur	300

<b>BIL.</b>	<b>PEMAJU PERUMAHAN SWASTA</b>	<b>LOKASI</b>	<b>UNIT</b>
5	<b>PLATINUM VICTORY DEVELOPMENT SDN BHD</b>	Setapak, Kuala Lumpur	910
6	<b>OCR GROUP BERHAD</b> - <b>Stack Builder Sdn Bhd</b> - <b>AES Builders Sdn Bhd</b> - <b>Arra Inovasi Sdn Bhd</b>	Shah Alam, Selangor	2,892
		Alor Gajah, Melaka	1,318
		Sepang, Selangor	1,016
7	<b>K.T.I. SDN BHD</b>	Tuaran, Sabah	800
8	<b>SANY CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT (M) SDN BHD</b>	Kijal, Terengganu	856
9	<b>KEN HOE CONSTRUCTION WORKS SDN BHD</b>	Alor Gajah Melaka	3,000
10	<b>EDEN ELEMENT SDN BHD</b>	Tawau, Sabah	1,500
11	<b>AQRS THE BUILDING COMPANY SDN BHD</b>	Puchong	1,140
	<b>JUMLAH SYARIKAT :</b>  <b>11 SYARIKAT</b>	<b>JUMLAH PROJEK :</b>  <b>15 PROJEK</b>	<b>JUMLAH UNIT :</b>  <b>16,873 UNIT</b>

<b>BIL.</b>	<b>ANAK SYARIKAT NEGERI</b>	<b>LOKASI</b>	<b>UNIT</b>
1.	<b>MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI) SELANGOR</b>	Pelbagai Lokasi di negeri Selangor	30,000

Selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan untuk menyediakan 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun (Julai 2018 hingga 2028), sasaran yang ditetapkan bagi pemaaju perumahan swasta adalah sebanyak 217,764 unit bagi tempoh 10 tahun dan anggaran sebanyak 21,776 unit bagi tempoh setahun. Sehubungan itu, sebahagian

besar daripada 16,873 unit ini akan diambilkira sebagai pencapaian sasaran pemajuan perumahan swasta tersebut dan pembinaannya dijangka akan dimulakan seawal tahun depan. Pada masa yang sama, MBI Selangor turut memberikan komitmen untuk membangunkan 30,000 unit dalam tempoh tiga (3) tahun setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. MBI Selangor juga telah memaklumkan bahawa terdapat 4,800 unit yang telah pun dimulakan pembinaannya pada tahun ini.

Pemaju diingatkan agar membangunkan perumahan berdasarkan spesifikasi yang telah digariskan dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negara seperti keluasan minimum, penggunaan teknologi pembinaan terkini yang menjimatkan kos dan masa, menepati piawaian standard serta menyediakan kemudahan pembangunan ke arah pemberdayaan komuniti. Ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan yang bukan sahaja ingin memastikan kualiti perumahan yang dibina, malah ingin mewujudkan perumahan yang berdaya huni serta mempunyai komuniti yang harmoni.

Kerajaan juga turut menawarkan insentif kepada pemaju perumahan swasta yang berkeelayakan sama ada untuk menyertai Skim Pembiayaan Sewa untuk Memiliki (Rent-to-Own; RTO) yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2020 atau Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) yang masih diteruskan sehingga kini. Selain menggalakkan pemaju perumahan membangunkan perumahan mampu milik, inisiatif Skim RTO membolehkan peserta menyewa rumah terlebih dahulu sebelum memiliki rumah tersebut dengan kewangan yang lebih kukuh; manakala skim MyHome membolehkan pembeli membeli dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran dengan pemberian insentif sehingga RM30,000 seunit. Selain itu, inisiatif perumahan sedia ada dan yang baru diumumkan semasa Belanjawan 2020 adalah seperti:

- i. Skim pembiayaan kewangan fleksi yang menawarkan pakej pinjaman menyeluruh;
- ii. Pemanjangan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA);
- iii. Jaminan Cagamas SRP Berhad untuk membantu golongan muda yang berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah untuk memiliki rumah;
- iv. Diskaun Plus, penawaran diskaun oleh pemaju perumahan dengan zero deposit (yang disokong oleh skim jaminan Cagamas/SJKP);

- v. FundMyhome (Crowd Funding), konsep di mana rakyat boleh mendapatkan bantuan kewangan untuk membeli rumah melalui kaedah pinjaman terbuka.
- vi. Dana Rumah Mampu Milik bagi membantu pembeli rumah golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah pertama;
- vii. Skim Perumahan Belia melalui Cagamas; dan
- viii. Penyediaan Belanjawan sebanyak RM70 juta untuk perumahan generasi baru peneroka FELDA.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

